

25/6/109 - Khamis

KOSMO /

Negara! 3

# UiTM, USM sekatan staf, pelajar ke luar negara

Oleh ZAKI SALLEH, MEGAT RAMLI MEGAT RAOF dan SUHANA YUSOP  
berita@kosmo.com.my

KUALA LUMPUR - Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan Universiti Sains Malaysia (USM) melarang semua kakitangan dan pelajarnya ke luar negara bagi mengelak risiko jangkitan influenza A (H1N1).

Sekatan perjalanan itu bermula sejak Isnin lalu kepada lebih 187,000 kakitangan dan pelajar UiTM di semua kampus universiti itu manakala bagi 5,430 kakitangan serta 28,725 pelajar USM pula larangan tersebut berkuat kuasa serta-merta.

Pengurusan kedua-dua institusi pengajian tinggi awam (IPTA) itu mengambil langkah tersebut beberapa hari selepas Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin mengarahkan semua universiti membentuk jawatankuasa menangani wabak H1N1.

Naib Canselor UiTM, Prof. Tan Sri Dr. Ibrahim Abu Shah berkata, larangan itu bukan sahaja meliputi aktiviti seperti melancong tetapi juga pelaksanaan tu-gas-tugas rasmi.

"Dulu kita tidak galakkan mereka ke luar negara namun apabila wabak ini semakin serius, kita larang terus mereka daripada meninggalkan Malaysia," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Seminar Antarabangsa mengenai Ke-

juruteraan Mekanikal Lanjutan di Shah Alam semalam.

Di George Town pula, Pemangku Naib Canselor USM, Prof. Ahmad Shukri Mustapa Kamal ketika dihubungi mengesahkan pentadbiran universiti itu juga mengambil langkah yang sama.

"Jika ada keperluan mendesak untuk ke luar negara, kita akan kaji tetapi sebaik-baiknya ditangguhkan semua perjalanan khususnya negara yang mempunyai ancaman serius wabak H1N1," katanya.

Sementara itu, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) masih mempertimbangkan tindakan sekatan perjalanan manakala Universiti Malaya (UM) pula dijangka membuat keputusan mengenainya hari ini.

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UKM, Prof. Datuk Dr. Mohamad Abd. Razak berkata, dasar universiti itu pada masa ini ialah tidak menggalakkan kakitangan dan pelajar ke luar negara.

Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah pula tidak menolak mencontohi langkah UiTM dan USM. Katanya, keputusan mengenainya akan dibuat dalam masa terdekat.

"Kami juga akan menjalankan saringan kesihatan terhadap lebih 4,000 pelajar baru yang akan mendaftar pada 27 Julai ini," jelasnya.